

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penerima bantuan kebajikan kewangan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut kategori di daerah Barat Daya Pulau Pinang dari 2015 hingga 2019 mengikut tahun dan pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Berdasarkan statistik, jumlah penerima bantuan JKM dari Januari hingga Jun 2020 ialah seramai **489,773 penerima** di seluruh Negara dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak **RM899 juta**. Penerima bantuan di Pulau Pinang adalah sebanyak **18,212 penerima** dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak **RM37 juta**. Manakala bagi daerah Barat Daya khususnya, penerima bantuan adalah seramai **2,380 penerima** dan sebanyak **RM4.7 juta** peruntukan telah disalurkan. Statistik keseluruhan penerima bantuan bagi negeri Pulau Pinang dan daerah Barat Daya adalah seperti berikut:

**Statistik Penerima Bantuan dan Perbelanjaan Bagi
Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 (sehingga Jun 2020)**

SKIM	BIL KES	RM
Bantuan Kanak- Kanak (BKK)	1,738	2,873,900
Bantuan Orang Tua (BOT)	5,414	11,431,000
Elaun Pekerja Cacat (EPC)	5,482	13,222,400
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	3,089	4,616,250
Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	909	2,001,300
Bantuan Am (BA)	1,375	2,795,870
Bantuan Latihan Perantis (BLP)	1	1,200
Bantuan Anak Pelihara (BAP)	10	17,250
Tabung Bantuan Segera (TBS)	169	50,700
Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan (BAT)	25	34,622
JUMLAH KESELURUHAN	18,212	37,044,492

**Statistik Penerima Bantuan dan Perbelanjaan Bagi
Daerah Barat Daya Tahun 2020 (sehingga Jun 2020)**

SKIM	BIL KES	RM
Bantuan Kanak- Kanak (BKK)	388	642,600
Bantuan Orang Tua (BOT)	657	1,421,700
Elaun Pekerja Cacat (EPC)	703	1,687,200
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	350	495,000
Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	111	233,100
Bantuan Am (BA)	171	308,460
JUMLAH KESELURUHAN	2,380	4,788,060

**Penerima Bantuan dan Perbelanjaan Bagi Daerah Barat Daya Mengikut Skim Bantuan
Bagi Tahun 2015 – 2019**

Daerah/ Jenis Bantuan	2015		2016		2017		2018		2019	
	Bil Kes	RM	Bil Kes	RM	Bil Kes	RM	Bil Kes	RM	Bil Kes	RM
Bantuan Kanak-kanak	633	2,028,850	506	1,651,950	466	1,420,950	453	1,410,150	426	1,387,700
Bantuan Orang Tua	842	3,113,700	727	2,582,100	666	2,368,600	680	2,819,250	701	2,931,250
Elaun Pekerja Cacat	729	2,864,940	743	3,072,300	785	3,243,450	767	3,684,400	725	3,492,400
Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Terlantar	166	591,600	148	561,140	146	531,000	151	630,950	119	577,150
Bantuan OKU Tidak Bekerja	273	647,800	290	683,600	295	701,200	316	906,500	326	904,950
Bantuan Am	261	729,800	247	694,650	281	803,960	261	939,230	192	726,990
Jumlah	2,904	9,976,690	2,661	9,245,740	2,639	9,069,160	2,628	10,390,480	2,489	10,020,440

**Penerima Bantuan dan Perbelanjaan Bagi Daerah Barat Daya Mengikut Etnik
Bagi Tahun 2015 – 2019**

Etnik	2015		2016		2017		2018		2019	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
Melayu	1,951	6,704,336	1,788	6,213,137	1,773	6,094,476	1,766	6,982,403	1,673	6,733,736
Cina	578	1,985,361	530	1,839,902	525	1,804,763	523	2,067,706	495	1,994,068
India	264	907,879	242	841,362	240	825,294	239	945,534	226	911,860
Lain-lain	110	379,114	101	351,338	100	344,628	100	394,838	95	380,777
Jumlah Keseluruhan	2,903	9,976,690	2,661	9,245,739	2,638	9,069,161	2,628	10,390,481	2,489	10,020,441